

Isnin

2.8.2021

Kemahiran: menulis



Menulis

Kisah Penggiat Seni Telepuk

Puan Rogayah ialah ibu saudara Izuni. Beliau merupakan penggiat seni telepuk yang ternama. Kemahiran beliau dalam seni telepuk amat dihargai dan diiktiraf oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pada suatu hari, beliau telah diundang ke festival kesenian di ibu kota. Semasa berada di sana, beliau terpendang akan seseorang yang amat dikenalnya suatu ketika dahulu.

"Itu Cikgu Azimah, bekas guru Pendidikan Seniku," bisik hati Puan Rogayah.

Secara tiba-tiba, peristiwa yang berlaku kira-kira 20 tahun yang lalu menerjah ingatannya. Ketika itu, dia masih di bangku sekolah.

"Apakah maksud telepuk, cikgu?" tanya Rogayah. Sebelum itu, Cikgu Azimah telah menunjukkan sehelai kain telepuk yang cantik kepada murid-muridnya di dalam kelas.

"Telepuk bermaksud bunga-bunga dan corak-corak lain yang diperbuat daripada perada emas," jawab Cikgu Azimah.

"Perada itu apa, cikgu?" Rogayah bertanya dengan lebih lanjut.

"Perada ialah serbuk berwarna emas. Dalam proses menelepuk, perada akan dilekatkan di atas kain untuk menghasilkan motif tertentu. Selain perada emas, peralatan yang digunakan dalam proses menelepuk ialah gam Arab, pelbagai corak sarang bunga kayu berukir, sudip buluh dan berus," jelas Cikgu Azimah lagi.

"Adakah seni telepuk ini akan kekal 20 tahun akan datang, cikgu?" Rogayah menimbulkan persoalan.

"Selagi masyarakat kita menghargai warisan seni bangsa, cikgu yakin bahawa seni ini akan terus terpelihara. Mungkin suatu hari nanti kamu akan menjadi penggiat seni telepuk yang ternama, Rogayah. Siapa tahu?" Cikgu Azimah membuat ramalan.

Kini, ramalan Cikgu Azimah itu menjadi kenyataan.



Maklumat daripada pembacaan



Jawab soalan berikut dengan betul.

1. Siapakah Cikgu Azimah?
2. Apakah maksud telepuk?
3. Bagaimanakah proses menelepuk dilakukan?
4. Mengapakah kita perlu menghargai warisan seni bangsa?
5. Ramalkan masa depan seni telepuk di negara kita.